



KEMENTERIAN EKONOMI

Dasar Keselamatan Perlindungan

Kementerian Ekonomi beriltizam untuk mengekalkan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif melalui perlaksanaan Arahan Keselamatan (Semakan dan Pindaan 2017). Bagi menjayakan dasar tersebut, Kementerian Ekonomi komited untuk:

- 1) melantik Pegawai Keselamatan Jabatan (PKJ), Penolong Pegawai Keselamatan (PPKJ) dan Jawatankuasa Keselamatan Perlindungan (JKP) yang bertanggungjawab memastikan arahan keselamatan kerajaan dilaksanakan;
- 2) memastikan aspek keselamatan fizikal dipatuhi berasaskan kepada prinsip-prinsip keselamatan perlindungan bagi mencegah, mengesan, melengahkan dan mengambil tindakan;
- 3) memastikan perlindungan dan kawalan yang diberikan ke atas keselamatan dokumen, maklumat serta bahan rahsia rasmi supaya tidak dikompromi dan mencegah akses tidak dibenarkan serta membantu penyiasatan terhadap sebarang kebocoran;
- 4) menjamin dan mengutamakan konsep perlindungan ke atas semua aset ICT;
- 5) memastikan aspek keselamatan peribadi terjamin sepenuhnya yang bertujuan memastikan warga Kementerian Ekonomi, komuniti keselamatan dan mana-mana pihak lain yang berurusan dengan perkhidmatan awam sentiasa melindungi rahsia rasmi dan perkara rasmi mengikut dasar, prosedur undang-undang dan peraturan yang ditetapkan; dan
- 6) memastikan kualiti pengurusan semua aktiviti yang berkaitan perkhidmatan, mengekalkan ketersediaan dan kesinambungan perkhidmatan apabila berlaku sebarang gangguan (*disruption*).

(DATO' NOR AZMIE BIN DIRON)
KETUA SETIAUSAHA